

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2004/2005

Mac 2005

HSM 116 - Sejarah Politik Malaysia Sehingga Awal Abad ke-20

Masa: 3 jam

Sila pastikan kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja iaitu DUA daripada **Bahagian A** dan DUA daripada **Bahagian B**.

Bahagian A

1. Peranan pemerintah awal Melaka sangat penting dalam menentukan kemunculan kesultanan Melayu itu sebagai sebuah kerajaan penting di pesisir Selat Melaka pada awal abad ke-15 hingga abad ke-16. Bincangkan.
2. Ketiadaan waris lelaki merupakan satu-satunya sebab pemerintahan sultanah-sultanah muncul di Aceh antara tahun 1641 hingga 1699. Bahaskan.
3. Bincangkan mengapa Dinasti Bendahara di Johor (1699-1718) berhadapan dengan pergolakan spiritual yang hebat di sepanjang kewujudannya.
4. Sejauh manakah penubuhan Negeri-Negeri Selat pada tahun 1826 merupakan langkah pertama perluasan kuasa British ke Tanah Melayu?

Bahagian B

5. Antara faktor imperialisme dengan faktor kekacauan dalam negeri-negeri Melayu, yang manakah pada pendapat anda lebih utama sebagai faktor yang mendorong campurtangan British pada tahun 1874?
6. Sejauh manakah gerakan anti-British di negeri-negeri Kelantan dan Terengganu pada awal abad ke 20 melambangkan ciri-ciri nasionalisme?
7. "Imperialisme Baru mendorong kerajaan British meletakkan Brunei, Sarawak dan Borneo Utara di bawah naungannya pada tahun 1888." Bincangkan.
8. Sejauh manakah pentadbiran tradisional pribumi Sabah dikekalkan dalam pemerintahan Syarikat British Borneo Utara (SBBU) pada tahun 1881 hingga 1941?